

# Perbaiki aspek komunikasi

## Kerjasama warga universiti dapat jayakan perancangan

### Sekitar Kampus

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bharian.com.my

JURANG komunikasi antara pengurusan institusi pengajian tinggi (IPT) dengan pegawai serta pelajar perlu diatasi bagi memastikan segala perancangan dirangka universiti dapat dijayakan bersama seluruh warganya.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Dr Nik Mustapha Raja

Abdullah, berkata kelemahan aspek komunikasi itu boleh mengakibatkan banyak maklumat tidak sampai kepada seluruh warga universiti serta menjelaskan pelan pembangunan dirancang.

Beliau memberi contoh antara faktor kegagalan UPM meraih status Universiti Apex, baru-baru ini kerana panel penilai Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (Apex) mengklasifikasikan persediaan universiti penyelidikan itu menjayakan pelan transformasi adalah rendah

kerana kebanyakan pelajar dan pegawainya tidak tahu mengenai program berkenaan.

"Pengurusan setiap fakulti perlu meningkatkan usaha memastikan semua maklumat dan perancangan terkini universiti disebarluaskan kepada setiap warga universiti, sekali gus menimbulkan rasa tanggungjawab mereka untuk menjayakannya."

"Apabila panel penilai Apex datang ke UPM dan bertanya kepada pelajar serta pegawai apa itu program Apex, kebanyakannya mereka hanya memberi jawapan ti-

dak tahu.

"Jika mendapat penarafan sederhana atau tinggi bagi kategori persediaan itu, kemungkinan besar status Universiti Apex menjadi milik kita kerana pelan transformasi UPM mendapat penarafan tertinggi berbanding tiga universiti penyelidikan lain serta sederhana bagi aspek kesediaan untuk berubah kepada universiti berstatus dunia itu," katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Fakulti Sains UPM, di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Hadir sama, Dekan Fa-

kulti Sains, Prof Dr Sidek Ab Aziz dan Pengurus Jawatankuasa Induk Konvensyen Fakulti Sains UPM 2008, Prof Dr Jambari Ali.

Konvensyen itu dianjurkan buat julung kalinya bagi menyediakan landasan perkongsian di kalangan warga fakulti mengenai kejayaan penyelidikan lain serta sederhana bagi aspek kesediaan untuk berubah kepada universiti berstatus dunia itu," katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Fakulti Sains UPM, di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Nik Mustapha berkata, Fakulti Sains UPM yang sudah lebih 35 tahun ditubuhkan antara fakulti cemerlang di UPM dengan mem-



NIK Mustapha menyampaikan Anugerah Pegawai Sokongan Popular Pejabat Dekan kepada Md Suhaimi Md Suri sambil disaksikan Dr Jambari sempena Konvensyen Fakulti Sains UPM 2008, di Serdang.

punyai 26 profesor, lebih 80 peratus pensyarah memiliki ijazah doktor falsafah serta menerima geran penyelidikan tertinggi iaitu lebih RM42 juta bagi tempoh 2006 hingga 2009.

"Penyelidikan yang dikehendaki universiti dalam pelbagai pertandingan penyelidikan tempatan dan antarabangsa dan turut berjaya meraih anugerah kebanyakannya dihasilkan dari fakulti ini, manakala graduan dihasilkan juga kini berkhidmat di pelbagai agensi penting kerajaan dan swasta," katanya.